

## KEMPEN KAD KREDIT HONG LEONG “VISA PAYWAVE 10% CASHBACK”

### TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Bank Berhad (HLB) “**Kempen Visa payWave 10% CashBack**” (“Kempen”) akan bermula pada 14 Ogos 2017 pada jam 00:00:00 (12:00 tengah malam waktu Malaysia) dan berakhir pada 31 Disember 2017 pada jam 23:59:59 (11:59 malam waktu Malaysia) kedua-dua tarikh termasuk (“Tempoh Kempen”), kecuali dinyatakan sebaliknya.

### TERMA DAN SYARAT

**Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Kempen (“T&S”)**

### KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Hong Leong Visa terpilih (termasuk bekas Pemegang Kad Kredit EON Bank Visa) dengan simbol gelombang Visa payWave yang dicetak pada Kad (“Kad Kredit HLB Visa payWave”) yang dikeluarkan di Malaysia (“Pemegang Kad”) dan memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 2 di bawah.
2. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad dengan kriteria di bawah (“Pemegang Kad Layak”):
  - a) berumur 18 tahun ke atas;
  - b) warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia;
  - c) tidak pernah melakukan sebarang transaksi kad kredit Visa payWave menggunakan Kad Kredit HLB Visa setakat 7 Ogos 2017 (11:59 malam waktu Malaysia); dan
  - d) telah menerima jemputan kempen melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) atau Mel Elektronik Langsung (“EDM”)
3. Kelayakan akan dibatalkan sekiranya Pemegang Kad Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan pemalsuan, menyalahi undang-undang atau berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau telah diisytiharkan muflis (tertakluk kepada suatu petisyen oleh mana-mana bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### MEKANISMA

4. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak perlu melakukan transaksi runcit domestik dan membuat pembayaran menggunakan Kad Kredit HLB Visa payWave sepanjang Tempoh Kempen di mana-mana peniaga yang menerima Visa payWave melalui dua (2) kaedah yang tersedia di bawah (“Transaksi Layak”):
  - a) **“WAVE AND PIN”**  
Transaksi melebihi RM250 – Kad Kredit HLB Visa payWave hendaklah diimbis pada Visa dan/atau terminal pembaca tanpa sentuhan (“Pembaca Tanpa Sentuh”) (tanpa sebarang penyisipan ke dalam Pembaca Tanpa Sentuh), diikuti dengan memasukkan 6 digit PIN yang sah untuk pembelian; atau

**b) “WAVE AND GO”**

Transaksi RM250 dan ke bawah – Kad Kredit HLB Visa payWave hendaklah diimbis pada Pembaca Tanpa Sentuh (tanpa sebarang penyisipan ke dalam Pembaca Tanpa Sentuh) dan TIADA PIN diperlukan untuk pembelian.

5. Setiap Pemegang Kad Layak yang membuat sebarang Transaksi Layak dalam satu resit layak untuk menerima 10% pulangan tunai ("CashBack") setiap satu.
6. Kempen ini adalah tidak sah untuk sebarang transaksi yang dibuat dengan Kad Kredit payWave HLB Visa dengan menyisipkan atau memasukkan ke dalam pembaca kad atau terminal kad bagi pembayaran menggunakan PIN (tanpa mematuhi Klausula 4) sepanjang Tempoh Kempen
7. Kempen ini adalah tidak sah untuk transaksi pemulangan, dibatalkan atau dipertikaikan, 0% Pelan Bayaran Mudah, Pelan Bayaran Flexi, Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, Perbelanjaan di Luar Negara, transaksi dalam talian, caj bayaran lewat dan lain-lain fi dan caj.
8. Jumlah himpunan CashBack yang diperuntukkan untuk Kempen ini adalah sebanyak RM30, 000.
9. CashBack adalah dihadkan pada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) bagi setiap Pemegang Kad Layak sebulan dan Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) bagi setiap Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen, berdasarkan siapa cepat, dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan CashBack setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.
10. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang Transaksi Layak yang dibuat oleh pemegang kad tambahan akan disatukan di bawah akaun pemegang kad utama. Hanya pemegang kad utama layak untuk menikmati penebusan CashBack.
11. CashBack akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas berakhir Tempoh Kempen. Semasa pengkreditan CashBack, akaun Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, dalam keadaan yang baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen dan/atau Perjanjian Pemegang Kad, jika tidak Pemegang Kad Layak akan dibatalkan.
12. Pengumuman Pemegang Kad Layak yang layak mendapat CashBack akan dibuat di laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") dalam tempoh lapan (8) minggu selepas berakhir Tempoh Kempen.

**AM**

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
  - a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat-syarat Am Perjanjian Pemegang Kad yang terdapat Laman Web HLB;
  - b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi dalam Malaysia yang dicatat oleh sistem HLB dalam Tempoh Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - c) bersetuju bahawa keputusan di atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak. Tiada rayuan dan/atau surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan;

- d) bersetuju bahawa CashBack tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga (ke-3), tidak boleh dirunding dan tidak boleh ditukar untuk lain-lain item penebusan;
  - e) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB pada dengan kerap untuk melihat di T&S dan memastikan mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau pertukaran kepada T&S; dan
  - f) bersetuju untuk penerbitan atau paparan nama-nama mereka, nombor KP (dalam bentuk bertutup) dan/atau foto di Laman Web HLB.
14. HLB berhak untuk:
- a) membatalkan mana-mana Pemegang Kad atas tanggungjawab dan budi-bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;
  - b) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Kempen ini bagi apa-apa sebab sekalipun sebagaimana HLB atas budi bicara mutlaknya yang difikirkannya wajar;
  - c) menarik balik mana-mana atau semua CashBack di dalam keadaan di mana terdapat ketidakpatuhan kepada T&S dan Perjanjian Pemegang Kad HLB yang terkandung di sini;
  - d) meminda jumlah CashBack dan/atau menggantikan CashBack yang terkandung di sini dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai yang sama atas budi bicara mutlaknya dengan cara mempamerkannya di Laman Web HLB atau apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh HLB, untuk memberi notis kepada Pemegang Kad Layak; dan
  - e) menambah, memadam atau meminda T&S yang terkandung di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknya, dengan cara mempamerkan di Laman Web HLB atau dalam apa-apa kaedah lain yang dianggap praktikal oleh HLB, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Layak terhadap apa-apa penambahan, pemadaman atau pindaan dalam T&S atau penamatan Kempen ini
15. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, ketiadaan kemudahan Kad Kredit Visa payWave di premis peniaga, pengwujudan rangkaian niaga, pos atau mana-mana pihak yang boleh mengakibatkan Pemegang Kad Layak digugurkan dari Kempen ini.
16. Akaun kad kredit Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, dalam keadaan baik dan tidak melanggar mana-mana di T&S dan / atau Perjanjian Pemegang Kad HLB pada bila-bila masa.
17. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad, T&S khusus di sini akan mengatasi sehingga tahap percanggahan tersebut.
18. T&S yang terkandung di sini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.